

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 7
RUANGAN : NASIONAL

Terapi gantian nikotin tingkatkan kadar henti merokok

Promosi e-rokok sasar generasi muda beri kesan jadi perokok tegar

oleh Saadiah Ismail
saadiah_ismail@bh.com.my

Kuala Lumpur: Rata-rata perokok tegar apabila diajukkan untuk meminta berhenti merokok, ia agak sukar untuk dilaksanakan kerana bahan nikotin yang disedut itu sudah bergelumang sebat dalam diri mereka.

Nikotin daripada rokok atau e-rokok yang dihantar sepantas 10 saat ke otak dalam kepekatan yang tinggi itu seolah sudah mengawal fungsi otak di mana perokok akan sentiasa ketagihan untuk mendapatkannya.

Ketua Smokefree Sejahtera Campus Community Flagship, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Kuantan, Prof Dr Mohamad Haniki Nik Mohamed, berkata kesan ketagihan bahan nikotin dalam produk tembakau dalam jangka masa panjang boleh menyebabkan kematian.

Terbukti, apabila dilaporkan kira-kira 200 orang mati setiap hari atau 27,000 orang mati setiap tahun dengan pelbagai penyakit dihidapi hanya disebabkan oleh punca ketagihan merokok yang melampau.

"Nikotin di dalam produk tembakau itu sudah bercampur dengan 7,000 bahan kimia berbahaya dan 70 bahan penyebab kanser antaranya ammonia yang banyak digunakan dalam produk peluntur dan sebagainya.

"Ammonia itu berfungsi menaikkan nilai pH dalam mulut dan saluran pernafasan supaya nikotin dapat dihantar dengan cepat dalam kepekatan tinggi ke otak.

"Jadi amat penting, kita membantu mengurangkan kemudatan ketagihan perokok tegar antaranya melalui terapi gantian nikotin (NRT) yang sememangnya berkesan meningkatkan kadar berhenti merokok sebanyak 50 hingga 70 peratus," katanya.

Beliau berkata, NRT berfungsi membekalkan nikotin sahaja tanpa bahan kimia lain dalam kuantiti yang rendah kepada otak sebagai gantian nikotin daripada rokok, ia bertujuan mengurangkan rasa gila terhadap nikotin.

"Produk NRT ini boleh diperoleh dalam beberapa bentuk antaranya gum yang berfungsi menyerap sebahagian nikotin dan



Kesan e-rokok mengambil masa beberapa tahun untuk dikenal pasti.

(Foto hasan)

pelekat yang akan menyerap nikotin melalui saluran darah di bawah kulit.

"Akhirnya, nikotin hanya akan sampai ke kemuncak otak dalam tempoh enam hingga ke lapan jam, sekali gus lama-kelamaan mengurangkan ketagihan.

"Kajian dilakukan mendapati ia tidak boleh menghapuskan 100 peratus ketagihan itu, tetapi ia boleh berlaku secara perlahan-lahan dan sekiranya gabungan gum dan pelekat dilakukan, ia satu kombinasi yang baik.

"Ini bermaksud, jika dulu banyak 'tapak' nikotin 'tumbuh' di dalam otak, tetapi dengan cara rawatan NRT ini, 'tapak' itu boleh dikurangkan sedikit demi sedikit," katanya.

Kenyataan putar belit fakta

Dalam pada itu, beliau juga menyelar kebanyakan kenyataan dikeluarkan pihak industri yang disifatkan memanipulasi dan memutarbelitkan fakta demi untuk memastikan kelangsungan perniagaan mereka.

"Tindakan mereka bukan mengurangkan ketagihan, tetapi pengganti kepada ketagihan iaitu memperkenalkan e-rokok, di mana nikotin yang dihantar tetap sama kepada otak.

"Jika 50 peratus pun pengurangan orang merokok berjaya dicatatkan, ia bukan satu kejayaan kerana tidak beri kesan kepada kadar kematian akibat merokok.

"Kesan merokok, kita ketahui selepas 20 hingga 30 tahun selepas itu, inikan pula e-rokok yang masih tidak diketahui kesannya terutama kepada generasi muda yang semakin galak mencuba.

"Adakah kita mahu tunggu lagi untuk melihat kesannya kepada generasi masa akan datang dan

Jadi amat penting, kita membantu mengurangkan kemudatan ketagihan perokok tegar antaranya melalui terapi gantian nikotin (NRT) yang sememangnya berkesan tingkat kadar berhenti merokok 50 hingga 70 peratus

Mohamad Haniki Nik Mohamed,
Ketua Smokefree Sejahtera Campus Community Flagship, UIAM Kuantan



Budaya e-rokok ini memberi kesan kepada komuniti menerusi promosi disasarkan kepada generasi muda yang akan menjadi pengguna tegar untuk tempoh yang panjang. Kesannya hanya boleh diketahui selepas beberapa tahun dan saya tidak pasti ia selamat diguna

Amer Siddiq Amer Nordin,
Pakar Perunding Kanan Psikiatri dan Pakar Berhenti Merokok, UM



baru tindakan hendak diambil.

Pada masa sama, beliau turut menggesa supaya Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU-15) tidak dilaksanakan sebelum Rang Undang-Undang (RUU) Kawalan Produk Tembakau dan Merokok 2022 dan Dasar Generasi Penerimaan (GEG) dikuatkuasakan.

"RUU Kawalan Produk Tembakau dan Merokok 2022 dan GEG perlu dikuatkuasakan dahulu kerana jika tidak, lebih lama lagi perkara ini akan tergantung dan kami beranggapan ia seolah satu sabotaj terangan," katanya.

Sementara itu, Pakar Perunding Kanan Psikiatri dan Pakar Berhenti Merokok, Universiti

Malaya (UM), Prof Madya Dr Amer Siddiq Amer Nordin, berkata konsep mengurangkan ketagihan menggunakan ubatan hanya terfokus kepada segelintir kumpulan saja.

Katanya, sebaiknya pelbagai cara boleh dilakukan antaranya yang dilihat memberi kesan positif ialah larangan merokok di kawasan rawat dan rehat (RnR) dan di dalam kawasan tertutup.

Bagaimanapun, banyak dasar yang belum dikuatkuasakan ditambah dengan sekian lama tiada kenaikan cukai, sempadan negara yang mudah dibolosi dengan penyeludup rokok dan pelbagai lagi.

"Menyentuh mengenai isu e-ro-

kok, kita tidak tahu bahaya yang mendatang akibat penggunaannya seperti alat peranti yang tiada piawaian dan boleh meletup.

"Selain itu, kandungan cecair yang tidak diketahui sama ada ditambah sintetik kanabis atau metamphetamine yang mana saya gelarkan ia sebagai *electronic drug delivery device*.

"Dahulu dikatakan proses wap e-rokok ini tidak bahaya, tetapi kajian sedia ada ia mempunyai toksid dan bermacam lagi sebatian setiap kali sedutan," katanya.

Fenomena e-rokok

Dr Amer Siddiq berkata, sebelum ini Kementerian Kesihatan (KKM) sentiasa berkempen untuk menggalakkan orang ramai berhenti merokok, tetapi apabila timbulnya fenomena e-rokok ini, ia tidak seiring dengan apa yang disasarkan.

"Budaya e-rokok ini memberi kesan kepada komuniti menerusi promosi yang disasarkan kepada generasi muda yang akan menjadi pengguna tegar untuk tempoh yang panjang.

"Kesannya hanya boleh diketahui selepas beberapa tahun dan saya tidak pasti ia selamat untuk digunakan," katanya.

Bagi Ahli Jawatankuasa Tindakan Wanita Malaysia untuk Kawalan Tembakau dan Kesihatan (MyWatch), Dr Wency Bui, berkata pelaksanaan GEG itu tidak akan sesekali mengganggu pihak industri kerana ia hanya membabitkan kawalan ke atas generasi muda.

Katanya, generasi muda ini belum menjadi pelanggan mereka dan ia tidak akan memberi sebarang masalah memandangkan mereka masih mempunyai pengguna sedia ada.

"Malah, kerajaan juga tidak akan mengalami kerugian dalam aspek pungutan cukai kerana pada masa hadapan, ia lebih memberi kesan kepada negara kerana rakyat semakin sihat dan kadar Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) juga akan lebih tinggi.

"Walaupun tiada kajian akademik dijalankan, tetapi berdasarkan kajian umum, GEG ini memang dapat memberi kesan ekonomi kepada negara, cuma ia masih baharu dan belum menyeluruh di seluruh dunia.

"Bagaimanapun, kajian di luar negara mengenai kawalan tembakau ini memang penting kerana kesannya sangat positif dalam banyak aspek, terutama kesihatan dan ekonomi negara.

"Malah jika GEG ini dikuatkuasakan, generasi muda akan lebih bijak berbelanja daripada menghabiskan duit memberi produk tembakau," katanya.

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 14
RUANGAN : NASIONAL

KKM ambil alih MySejahtera

Kementerian bakal tanda tangan kontrak tamatkan isu berkait keselamatan data

oleh Abdul Halim Yusoff,
Rahmah Mat Ruzli dan
Siti Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Kementerian Kesihatan (KKM) akan menandatangani kontrak untuk memiliki sepenuhnya aplikasi MySejahtera, selaras saranan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC).

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin, berkata berikutan itu tiada lagi keraguan soal pemilikan aplikasi berkenaan serta data tidak selamat.

"KKM sudah berusaha untuk memindahkan MySejahtera daripada Majlis Keselamatan Negara (MKN) kepada Kementerian

ini, jadi soal pemilikan atau keselamatan data sudah selesai.

"Saya sudah pastikan semua perkara itu diselesaikan sebelum saya tinggalkan Kementerian ini," katanya selepas Majlis Perhimpunan Bulanan KKM, semalam.

PAC semalam, membentangkan Laporan Pembangunan dan Perolehan Aplikasi MySejahtera di bawah KKM, Kementerian Kewangan dan Jabatan Perdana Menteri di Parlimen.

Antara syor PAC adalah kerajaan harus memastikan pemilikan penuh kerajaan dalam aplikasi MySejahtera serta memberikan jaminan data dalam aplikasi itu selamat dan tidak disalah guna.

MySejahtera adalah aplikasi dibangunkan untuk membantu kerajaan mengawal penularan COVID-19 dalam negara, yang antara lain membolehkan pengguna melaksanakan penilaian kesihatan sendiri.

Mengulas mengenai syor keempat yang dibentangkan oleh PAC iaitu MySejahtera dijadikan alat pengurusan kesihatan awam negara, Khairy berkata, perkara

itu juga sedang dilakukan oleh pihaknya.

"Apabila MySejahtera sudah dipindahkan kepada kita dan memastikan data dalam aplikasi itu selamat, kita akan pastikan MySejahtera boleh digunakan sebagai platform kesihatan awam.

"Sejak beberapa bulan lalu, pelbagai ciri kita sudah tambah membabitkan perkara bukan COVID-19 seperti derma darah dan saringan kesihatan," katanya.

MySejahtera dikemas kini

Aplikasi itu dikemas kini dengan ciri baharu, antaranya kad penderma darah, selain membolehkan orang ramai mengikrarkan diri sebagai penderma organ.

Ketua Setiausaha KKM, Datuk Harjeet Singh, berkata pengurusan aplikasi MySejahtera bakal diletakkan bawah Bahagian Kesihatan Awam Digital iaitu satu bahagian baharu di KKM, bagi memastikan pengurusan aplikasi yang lebih teratur.

Beliau berkata, sejak pengawalseliaan MySejahtera dipindahkan kepada KKM pada 26 November 2021, beberapa perkara

sudah dilaksanakan bagi menentukan hala tuju aplikasi itu.

Antara perkara yang dilaksanakan adalah penubuhan Jawatankuasa Pemandu MySejahtera yang dipengerusikan Menteri Kesihatan dan dibantu juga oleh sebuah Jawatankuasa Teknikal MySejahtera.

Dalam satu kenyataan, beliau berkata, selepas mendapat kelulusan Kementerian Kewangan pada 24 Februari lalu untuk rundingan bersama MySJ Sdn Bhd, Jawatankuasa Rundingan Harga ditubuhkan dan mengadakan mesyuarat bersama MySJ Sdn Bhd.

Jawatankuasa Rundingan Harga, dianggotai oleh Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan KKM.

Sementara itu, dalam pembentangan laporan, PAC mendapati pelantikan KPISoft (Entomo) sebagai pembangun aplikasi MySejahtera pada bulan Mac 2020 adalah tidak teratur serta tidak berdasarkan prosedur atau tata cara perolehan kerajaan.

Menurut PAC, tiada sebarang minit atau dokumen sokongan yang wujud berkenaan dengan pelantikan berkenaan.

Satu-satunya dokumen yang ada adalah Dokumen Perjanjian Kerahsiaan (NDA), yang ditandatangani antara MKN (bagi pihak Kerajaan) dengan KPISoft.

Pengerusi PAC, Wong Kah Woh, dalam kenyataannya berkata, konsep Tanggungjawab sosial korporat (CSR) yang dicadangkan oleh KPISoft (Entomo) menyebabkan kerajaan tidak jelas mengenai hala tuju sebenar perolehan aplikasi MySejahtera dan projek kerajaan itu diperolehi tanpa melalui prosedur perolehan yang sepatutnya.

Orang ramai yang berminat untuk membaca dan meneliti Laporan PAC Parlimen berhubung Pembangunan dan Perolehan Aplikasi MySejahtera di bawah KKM, Kementerian Kewangan dan Jabatan Perdana Menteri, boleh memuat turun laporan berkenaan di laman web PAC di alamat www.parlimen.gov.my/pac.

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 9
RUANGAN : LOKAL

Oleh Suliati Asri
suliati@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Taktik licik penjual vape!

Aktif promosi rokok elektronik kepada kanak-kanak kerana mudah dipengaruhi

Pemasaran berlebihan dilakukan pemain industri dilihat menarik minat kanak-kanak terutamanya untuk memiliki rokok elektronik dan vape.

Selain itu, cecair daripada pelbagai perisa dan reka bentuk vape yang dihasilkan pemain industri juga antara tarikan utama kanak-kanak ingin mencubanya.

Pengerusi Pertubuhan Green Lung Malaysia, Ho Rhu Yann berkata, walaupun negara mempunyai Akta Racun 1952, tetapi ia terpakai kepada cecair yang memabutkan nikotin saja.

Kata Rhu Yann, di Malaysia rokok elektronik atau vape mempunyai dua (2) jenis iaitu yang mengandungi nikotin dan tidak mengandungi nikotin.

"Dalam pasaran, sebenarnya 90 peratus daripada vape mengandungi nikotin. Tetapi dengan pelbagai perisa seperti perisa buah-buahan, kola ditambah bentuk pembungkusan yang menarik mengelirukan kanak-kanak dan merasakan ia sesuatu yang selamat.

"Malah melalui satu kajian dilaksanakan lebih 40 peratus kanak-kanak merasakan ia selamat kerana pemasaran yang dilakukan oleh pemain industri memberi tanggapan sedemikian," katanya.

Rhu Yann berkata, kajian terbaru dilakukan Universiti Johns Hopkins mendapati lebih daripada 2,000 bahan kimia dalam rokok elektronik serta vape boleh menyebabkan kanser".



Kajian terbaru dilakukan Universiti Johns Hopkins mendapati lebih daripada 2,000 bahan kimia dalam rokok elektronik serta vape boleh menyebabkan kanser"

Ho Rhu Yann

"Kajian itu nyata bercanggah dengan dakwaan pemain industri yang mengatakan vape adalah selamat.

"Oleh itu, adalah sangat bahaya jika industri berterusan menjadikan keputusan kajian yang sudah lama sebagai 'modal' pemasaran mereka," katanya.

Rhu Yann berkata, jika benar pihak industri hanya mempromosikan produk mereka kepada perokok rokok konvensional atau rokok tembakau dan bukan golongan kanak-kanak, kenapa jumlah kanak-kanak yang menggunakan vape meningkat?

"Memang benar mengikut akta mereka tidak boleh menjual kepada kanak-kanak, tetapi adakah mereka akan melaksanakan tanggungjawab itu.

"Kalau mahu fokus kepada perokok, kenapa mereka tidak hanya mengeluarkan perisa tembakau yang sudah pasti tidak akan menarik minat kanak-kanak," katanya.

Terbaru, penjualan jam pintar yang sebenarnya adalah vape dan menjadikan kanak-kanak sebagai sasaran sangat merisaukan.

Justeru, dalam hal ini, kata Rhu Yann masyarakat juga perlu memainkan peranan dalam melindungi hak kanak-kanak.

"Kita memerlukan satu polisi menyeluruh yang boleh terus memutuskan bekalan dan tidak membenarkan generasi muda membeli dan menggunakannya.

"Sekiranya negara kita mahu mencapai negara bebas tanpa sebarang bentuk amalan merokok, inilah satu-satunya jalan penyelesaian. Tiada lain kerana jika kita masih tetap kembali kepada peraturan yang ada sekarang, ia tidak berkesan," katanya.

Sementara itu, Pakar Perunding Perubahan Keluarga Fakulti Perubatan Universiti Malaya, Prof Madya Dr Nur

Amani Ahmad Tajuddin berkata, apabila bercakap mengenai kanak-kanak, kita perlu lihat pada golongan 18 tahun ke bawah kerana mereka masih di bawah umur.

Menurutnya, jika dilihat kepada promosi rokok elektronik dan vape ia memfokuskan kepada kanak-kanak dan remaja kerana industri tembakau mengetahui golongan ini sangat yang mudah untuk dipengaruhi.

"Bagaimana mereka mempengaruhi golongan ini adalah dengan menggunakan platform media sosial seperti Facebook dan Instagram selain menggunakan selebriti.

"Sebagai contoh mereka menjualnya melalui 'live' di Facebook, dan kanak-kanak yang melihatnya boleh terus melakukan pembelian. Cara ini secara tidak langsung mempermudah kanak-kanak untuk mendapatkannya tanpa sebarang kawalan," katanya.

Dalam usaha menangani masalah ini, Nur Amani berpendapat semua pihak harus memainkan peranan dalam membantu kanak-kanak dan remaja ini agar tidak terabit dalam masalah ini.


"Jika generasi ini dibiarkan terus terabit dalam masalah ini, ia adalah sesuatu yang berbahaya kepada mereka.

"Malah berdasarkan tinjauan yang kami lakukan, ada generasi ini yang me-

ngambil barang terlarang daripada rokok elektronik dan vape.

"Ini kerana ada cecair perisa yang mudah diperoleh

mengandungi bahan terlarang seperti ganja yang semanginya sangat berbahaya kepada kesihatan," katanya.



Wujud cecair perisa vape yang mudah diperoleh mengandungi bahan terlarang seperti ganja yang semanginya sangat berbahaya kepada kesihatan

Kuala Lumpur: Penguatkuasaan dengan meningkatkan denda dan memastikan peniaga mempunyai lesen menjual rokok antara langkah boleh diambil bagi mengatasi isu rokok haram atau rokok seludup.

Pakar Ekonomi Pertubuhan Wanita Malaysia untuk Kawalan Tembakau dan Kesihatan (MyWatch) Prof Madya Dr Norashidah Mohamed Nor berkata, kajian yang dilakukannya mendapati bahawa faktor utama menyebabkan lambakan rokok haram adalah kerana masalah penguatkuasaan dan rasuah.

Katanya, memang benar kerajaan boleh mengenakan denda atau tindakan dan sebagainya tetapi penguatkuasaan itu yang penting. "Selain menaikkan denda, dengan memastikan kualiti mempunyai lesen,

Atasi rokok seludup, naikkan cukai mampu kurangkan prevalen perokok

pastinya mereka tidak akan menjual rokok haram," katanya.

Dr Norashidah berkata, kita sedia maklum pihak berkuasa terutama Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) sudah melakukan pelbagai aktiviti tangkapan terutama di pintu masuk tetapi bagaimana kalau rokok haram itu sudah berjaya di seludup?

"Dalam hal ini, kerjasama semua pihak dan penguatkuasaan sangat penting dan perkara ini juga sudah dilakukan di banyak negara.

"Selain pihak berkuasa, orang kampung dan masyarakat setempat juga boleh melaksanakan penguatkuasaan dengan membuat laporan, tangkapan, ataupun aduan. Saya rasa itu boleh membantu," katanya.



Ditanya adakah pelaksanaan Akta generasi penamat rokok atau Generational

Endgame (GEG) akan meningkatkan lagi pemasukan rokok seludup, Dr Norashidah berkata tidak ada kaitan antara rokok seludup dengan GEG.



Dalam hal ini, kerjasama semua pihak dan penguatkuasaan sangat penting dan perkara ini juga sudah dilakukan di banyak negara"

Dr Norashidah

Katanya, dengan pelaksanaan GEG, sepatutnya generasi yang lahir pada tahun 2007 tidak akan mengenal rokok.

"Kalau mereka tidak kenal rokok, ini bermakna mereka tidak akan menghisap rokok dan juga vape. Jadi, kalau mereka tidak hisap rokok dan vape, perlukah mereka cari rokok tidak sah?"

"Secara logiknya, menerusi GEG ini, kita mahu halang mereka daripada merokok. Dengan itu, apabila mereka tidak ada kebiasaan, tidak ada keperluan nak merokok dan tiada tahap ketagihan, kenapa mereka nak cari rokok tidak sah."

"Bagaimanapun, ini bagi generasi yang lahir pada

2007. Isu perokok yang beralih kepada rokok haram ini adalah mereka yang ketagih pada rokok," katanya.

Dr Norashidah yang juga Timbalan Dekan (Pra siswazah dan Alumni), Sekolah Perniagaan dan Ekonomi, Universiti Putra Malaysia berkata, kenaikan cukai memang mampu mengurangkan prevalen perokok.

"Dengan menaikkan cukai rokok, ada dua objektif yang boleh dicapai iaitu pertama, kerajaan boleh mendapat bayaran cukai kerana perokok tegar akan tetap membeli rokok walaupun harga mahal.

"Kedua, bagi mereka yang bukan perokok tegar, mereka akan lihat kos naik harga rokok dan secara tidak langsung berhenti merokok," katanya yang mencadangkan kenaikan harga rokok sebanyak 20 peratus.

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 21
RUANGAN : LOKAL

SISTEM PELAPORAN ADUAN BERKAITAN BULI DI TEMPAT KERJA KKM

Empat hari dah ada 6 laporan

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
am@hmetro.com.my

Putrajaya

Baharu empat hari sistem pelaporan aduan berkaitan buli di tempat kerja dibuka, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sudah menerima enam laporan mengenainya.

Menteri Kesihatan Khairy Jamaluddin berkata, semua laporan yang diterima dalam sistem dibangunkan khusus untuk warga KKM atau lebih dikenali sebagai MyHelp@KKM itu akan melalui siasatan yang telus dan berintergriti.

"Saya melihat, walaupun hanya empat hari (dibuka), kita sudah terima enam aduan, ini

bermakna sudah ada individu yang berani menggunakan sistem itu.

"Saya sekali lagi memberi jaminan kepada warga KKM, tidak kira di peringkat mana sahaja pun, mereka tidak perlu rasa takut untuk gunakan sistem ini.

"Identiti pengadu akan dirahsiakan dan kita akan melakukan siasatan mendalam melalui proses yang sudah disediakan. Ini merupakan prinsip sistem itu iaitu untuk menjaga kerahsiaan dan identiti pengadu, malah mereka boleh membuat aduan secara *anonymous*," katanya selepas menghadiri majlis Perhimpunan Bulanan KKM, semalam.

Sistem MyHelp@KKM berkenaan diguna pakai oleh seluruh

warga KKM termasuk semua Program dan Bahagian, Jabatan Kesihatan Negeri, Institut, Hospital, Pejabat Kesihatan, Pejabat Kesihatan Pergigian Daerah, Klinik Kesihatan dan Klinik Pergigian serta semua organisasi (Pusat Tanggungjawab) bawah KKM.

Kes dan kejadian yang dilaporkan melalui sistem ini terhad kepada kes buli yang melibatkan mangsa dan pegawai yang disyaki mengganggu (PYDM) adalah warga KKM.

Pada 22 September lalu, Pasukan Petugas Khas Bagi Penambahbaikan Budaya Kerja Perkhidmatan Kesihatan (HWCITF) mengesyorkan penggunaan sistem aduan bagi memudahkan pegawai membuat melaporkan kes buli secara

langsung dan tindakan susulan dapat diambil segera menerusi tatacara yang telus serta menjaga kerahsiaan pelapor.

HWCITF yang ditubuhkan pada Mei lalu bertujuan menambah baik budaya kerja serta pengurusan perkhidmatan kesihatan dan menyiasat aduan buli di KKM.

Sementara itu, ditanya mengenai kes jangkitan semula Covid-19 di negara ini, beliau memaklumkan sebanyak 21,336 kes jangkitan kedua dan seterusnya direkodkan bagi tempoh Januari 2020 hingga kelmarin.



"Identiti pengadu akan dirahsiakan dan kita akan membuat siasatan mendalam"
Khairy

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : DALAM NEGERI

PAC: Kos RM196 juta MySejahtera mahal

KUALA LUMPUR: Pelantikan KPI Soft (Entomo) sebagai pembangun aplikasi MySejahtera adalah tidak teratur serta tidak berlandaskan prosedur perolehan kerajaan.

Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) dalam laporannya berkata, tiada sebarang minit ataupun dokumen sokongan yang wujud berkenaan dengan pelantikan berkenaan.

Selain itu, PAC mendapati harga siling sebanyak RM196 juta untuk perolehan MySejahtera selama dua tahun adalah tinggi dan bercanggah dengan konsep syarikat Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR).

Dapatan itu antara lain rumusan PAC hasil daripada dua prosiding yang dijalankan berhubung pengambilalihan MySejahtera iaitu pada 14 April dan 21 April 2022 yang mana antara saksi dipanggil ialah Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin dan Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Tengku Zafrul Abdul Aziz. Antara dapatan lain, CSR dilihat telah digunakan untuk mendapatkan projek kerajaan tanpa melalui prosedur perolehan yang sepatutnya.

Setakat April 2022, aplikasi MySejahtera masih dimiliki syarikat pembangun aplikasi dan kerajaan masih belum mendaftarkan harga intelek (IP) bagi aplikasi MySejahtera di MyIPO.

PAC turut mengesyorkan beberapa langkah yang perlu

diambil kerajaan iaitu menyemak semula kewajaran pemberian kontrak aplikasi MySejahtera secara rundingan terus dan Unit Pemodenan Tadbiran Dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) harus mengambil alih keseluruhan aplikasi.

Ini kerana menurut Pengerusi PAC, Wong Kah Woh berkata, MAMPU sebagai Jabatan Teknikal ICT dilihat berupaya mengambil alih pembangunan dan pengoperasian aplikasi MySejahtera.

Sementara itu di PUTRAJAYA, Khairy berkata, Kementerian Kesihatan akan menandatangani kontrak bagi menandakan pemilikan sepenuhnya terhadap aplikasi MySejahtera tidak lama lagi.

Menurutnya, pemilikan sepenuhnya aplikasi itu oleh kerajaan adalah selaras syor dan saranan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) sekaligus menghapuskan segala keraguan mengenai soal pemilikan aplikasi berkenaan terutama membabitkan keselamatan data yang dimiliki aplikasi itu.

"Kementerian Kesihatan sudah berusaha untuk memindahkan MySejahtera daripada Majlis Keselamatan Negara (MKN) kepada kementerian ini, jadi soal pemilikan atau keselamatan data sudah selesai," katanya dalam sidang akhbar selepas menghadiri Majlis Perhimpunan Bulanan Kementerian Kesihatan di sini semalam.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
MUKA SURAT : 7
RUANGAN : NATION/NEWS

IP RIGHTS QUERY

MYSEJAHTERA PROCUREMENT FLOUTED RULES

No supporting documents or minutes available, RM196 million price high, app best managed by Mampu, says PAC

DHESEGAAN BALA KRISHNAN
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

THE government awarded the contract to develop the MySejahtera application to Entomo Malaysia Sdn Bhd (formerly known as KPISoft Malaysia Sdn Bhd) in March 2020 without going through the right procurement procedures, the Public Accounts Committee (PAC) revealed on Monday.

PAC chairman Wong Kah Woh said no supporting documents or minutes were available to prove Entomo's appointment as the application's developer, except for a non-disclosure agreement signed between the National Security Council (NSC) and the company.

The corporate social responsibility (CSR) concept proposed by Entomo also left the government confused on the company's appointment as the application developer, the duration of the CSR concept and ownership of MySejahtera.

"The CSR concept (proposed by Entomo) was used to secure a government project without the necessary procurement procedures. There are no documents stating that the CSR initiative (for the MySejahtera app) was only for a year. The government was stuck with no other option but to appoint MySJ Sdn Bhd (as the licence holder) through direct negotiations,

"The development and continuous use of MySejahtera should have remained a CSR initiative."

While the PAC lauded the government's rejection of Entomo's proposal to commercialise MySejahtera, it also raised questions on the government's assurance that users' data would not fall into wrong hands as the government had not registered the intellectual property (IP) rights for MySejahtera up to April this year.

It also said the RM196 million

ceiling price set by the Finance Ministry to procure the MySejahtera app for two years was expensive and went against the CSR concept.

Therefore, the PAC called on the government to fully take over the MySejahtera application through the Malaysian Administrative Modernisation and Management Planning Unit (Mampu), which has the right expertise and capabilities to manage the application.

On Sept 21, last year, through a reply in the Dewan Rakyat, the government stated that MySejahtera started as a CSR project, but the one-year CSR period expired on March 31 last year.

Following that, the government paid for use of the MySejahtera app from April 1, this year.

However, on Nov 26, last year, the cabinet agreed to procure the app through a direct negotiation with the developer for two years.

Then, in April this year, the cabinet agreed to fully take over the MySejahtera application and transfer the application's data to Mampu's data centre.

The PAC subsequently conducted two proceedings on the development and procurement of MySejahtera on April 14 and 21, and summoned eight witnesses to provide explanation on the matter.

These witnesses included Health Minister Khairy Jamaluddin, Finance Minister Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz and NSC director-general Datuk Rodzi Md Saad.

PAC also advised the government to take more prudent measures when making procurements.

"The government should establish a guideline to manage and process CSR offers.

"The government should also continue its efforts to make the MySejahtera app a public health management tool, in line with plans to digitalise the country's healthcare services."



Health Minister Khairy Jamaluddin at the ministry's monthly gathering in Putrajaya yesterday. BERNAMA

Khairy: Govt fully owns MySejahtera

PUTRAJAYA: Health Minister Khairy Jamaluddin gave his assurance that the MySejahtera application is fully owned by the government.

"The most important (recommendation) from the Public Accounts Committee (PAC) is that the government should fully take over the application.

"This has been done and the contract (to take over) will be signed. I will ensure the issue is resolved before I leave the Health Ministry," he said in a press conference after the Health Ministry's monthly gathering here yesterday.

Khairy said there should be no doubts now on the ownership of the application and data.

"Criticism on legacy matters, such as appointment issues, were raised before the Health Ministry took over.

"The ministry made sure these issues were resolved when it took over the MySejahtera application from the National Security Council.

"There are no more issues on data security and it can be used as a public health platform. In the past few months, we added non-Covid features, such as vaccination history, organ donor pledges and blood donation records. That had also been recommended in the PAC report today (yesterday)," he said.

On the Control of Tobacco Product and Smoking Bill 2022, Khairy said the second reading of the bill would take place at the Dewan Rakyat tomorrow.

The bill is also known as the tobacco Generational Endgame law.

Khairy said Parliament's Special Select Committee (PSSC)

comprising representatives from political parties had agreed to the amendments of the original bill on Monday.

"This means that the committee members are satisfied with the amendments and indirectly they support the bill.

"So, now we hope the representatives of respective political parties will convey this message to their parties that their concerns have been resolved."

On Aug 2, lawmakers unanimously approved to refer the bill, which was at the second reading stage, to the PSSC.

Khairy resubmitted the motion of the bill and announced that 13 members of parliament from the government and the opposition bloc will be members of the PSSC, which would make recommendations towards fine-tuning the bill.

Health Ministry gets 6 reports of workplace bullying

PUTRAJAYA: The Health Ministry received six complaints through the MyHelp@KKM system, which allows junior doctors to report workplace bullying and toxic work environments.

Health Minister Khairy Jamaluddin said investigations into the complaints would be conducted by the ministry's integrity unit.

"The identities of the complainants will not be disclosed. They can also file a complaint anonymously.

"It has only been four days, and

we have received six complaints.

"This means people are using the system.

"I want to reassure all Health Ministry staff that no matter their rank, they should not be afraid to use the system because their identities will be protected and a thorough investigation will be conducted," he said after the ministry's monthly gathering here yesterday.

Two weeks ago, Khairy said the Healthcare Work Culture Improvement Task Force proposed setting up a complaint system for

junior doctors to lodge complaints so immediate action can be taken to address their grievances.

The task force was formed to look into the death of a houseman attached to the Penang Hospital, as well as reports of bullying and stress among healthcare staff.

On a separate matter, Khairy said Malaysia recorded 21,336 Covid-19 re-infection cases between January 2020 and Oct 3 this year. To date, 4,845,109 Covid-19 cases have been reported in the country.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
MUKA SURAT : 9
RUANGAN : NEWS

'Vaping is not a safer option'

No e-cigarette product has been registered with the Health Ministry as a method of harm reduction, says expert

LUQMAN HAKIM
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

FOR long-time smokers, breaking the habit may not be as simple as flipping a switch.

This leads to them using e-cigarettes or vaping as a method of harm reduction to gradually reduce their craving for cigarettes.

Harm reduction decreases the negative consequences of recreational drug use without requiring abstinence, recognising that those unable or unwilling to stop can still make a positive change for themselves.

However, experts advised against vaping, which causes as much harm as smoking.

International Islamic University Malaysia Professor Dr Mohamad Haniki Nik Mohamed said claims of vaping being a safer option compared with smoking are untrue.

"Research has shown that there are more than 2,000 chemical substances in the aerosol or vapour used for vaping. Carcinogens, which cause cancer, can also be found in vapes. The flavouring used in vapes can be dangerous to the respiratory system.

"E-cigarettes are a new phenomenon, and we have yet to discover its long-term effects.

"Even the cigarette took 20 to 30 years for us to confirm its harmful effects, such as lung cancer.

"The question is, are we willing to wait years to see the effects of e-cigarettes on users, and only take action then?"

Dr Haniki said the inclusion of e-cigarettes in the Control of Tobacco Product and Smoking Bill 2022 was not a step backwards, but a move to

protect the next generation.

"This will also prevent them from being nicotine addicts.

"Nicotine is a neurotoxin that damages nerve tissue and should not be exposed to those under 25.

"When the brain is developing from childhood to adolescence, it is quite sensitive to the effects of nicotine.

"If it is truly the intention of e-cigarettes to help break the smoking habit, why not register them under Health Ministry?

"There has not been a single e-cigarette product registered as a method of harm reduction.

"In Malaysia, we have nicotine-based gums and patches that contain pure nicotine with lesser volume than e-cigarettes.



Professor Dr
Mohamad Haniki
Nik Mohamed



Associate Professor
Dr Amer Siddiq
Amer Nordin

"It could take up to three months for heavy smokers to gradually get rid of their smoking habit," he said.

Universiti Malaya Associate Professor Dr Amer Siddiq Amer Nordin said most school students who were caught smoking used e-cigarettes.

"Based on research, most school students caught smoking used vape or e-cigarette, so, it doesn't make sense when they claim only adults use e-cigarettes.

"This is because if we look at their method of marketing, celebrities and influencers promoting vape products can be appealing to youngsters.

"The dangers of vaping on adults have not been fully established, and we still don't know the harm it does

It will take years to discover the long-term effects of e-cigarette use.
FILE PIC

to children.

"If I remember correctly in 2015, it was said then that vapes and e-cigarettes were safe. Now, there

are diseases such as e-cigarette or vaping use-associated lung injury and 'popcorn lung'. If we compare vapes to cigarettes, it is safer. But if we compare it to not smoking at all, you can tell which one is the best."

Dr Amer also stressed that the objective of the bill was to protect those in the target group (born in 2007 and above).

"I don't think there is an issue with human rights because why would you want to introduce something harmful to yourself?"

"This is why e-cigarettes and vape should not be separated from the bill."

Bill does not infringe on human rights, say experts

KUALA LUMPUR: The Control of Tobacco Product and Smoking Bill 2022 has sparked debate among communities, with some saying that its enforcement could jeopardise human rights.

Legal experts have given the reassurance that the aim of the bill is to protect the next generation of Malaysians from the harm of tobacco, rather than punish them.

The Law Chambers of Arbain Aziz advocate and solicitor Azlinda Baroni said the bill, also known as the Generational Endgame (GEG) is in line with the objective of the World Health Organisation (WHO) Framework Convention on Tobacco Control (FCTC).

The goal of FCTC, which is to protect the present and future generations from the consequences of tobacco consumption, is shared by the GEG.

In an interview, Azlinda highlighted articles that support the fun-

damentals of the bill.

"Based on the Constitution of WHO 1946, the enjoyment of the highest attainable standard of health is one of the fundamental rights of every human being.

"Secondly, in the Universal Declaration of Human Rights, Article 3, everyone has the right to life, liberty, and security of person.

"Next, from the United Nations Convention on the Rights of the Child, Article 6, recognises that all children and young people have the right to survive and develop.

"The government is obligated to ensure the survival and development of children and young people.

"With that said, will giving them (the GEG group) the option to smoke

tobacco products benefit their health?" she told the *New Straits Times*.

Azlinda said there was no discrimination in the bill, as its goal was to benefit the health of the future generations.

"The target group for the bill is those born in 2007 and above. They are the group barred from owning any tobacco product.

"If those born before 2007 decide to keep smoking until old age, they can do so.

"But why are they the ones saying that it discriminates against the GEG group?"

"If they have never used tobacco products, they are not breaking the law and shouldn't be bothered by a compound."



Azlinda Baroni

Meanwhile, International Islamic University Malaysia lecturer Associate Professor Dr Khairil Azmin Mokhtar said the bill will not label the offender as a criminal.

"As stated by the health minister, (Khairy Jamaluddin) offences for individuals in the GEG group for smoking will not be recorded as crimes. They are only subjected to a compound, which means they are not criminals.

"Do you call those who double park or run red lights a criminal? No."

Dr Khairil said that the bill should not cause a stir due to its positive reception by members of Parliament.



Associate Professor
Dr Khairil Azmin
Mokhtar

"Every bill tabled will get reactions in Parliament.

"This shows that MPs are attentive to the sessions.

"In general, even opposition leaders have given their approval for the bill, noting that a few aspects may need to be refined.

"There was also no objection during the country's ratification of FCTC in 2005, as it is a responsibility to fulfil an international legal obligation."

Dr Khairil said not only does the bill prevent new smokers, it also protects them from harm.

"It is already proven that second-hand smoke is more dangerous than direct inhalation.

"And of course, smokers can save money and put it to better use."